



DR KASIM

UMS peruntuk RM505,906 bangun 'Living-Lab' makanan ternakan di Keningau

UB 10.03.2023 P.08

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) memperuntukkan RM505,960 bagi fasa pertama projek membangunkan kilang makanan ternakan dan kelengkapan pejabat Pusat Penyelidikan Makanan Ternakan di Kampung Apin-Apin Keningau.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor berkata, pusat penyelidikan itu yang juga merupakan makmal hidup (Living-Lab) terbahagi kepada tiga zon melibatkan kawasan berkeluasan 74 ekar.

“Bagi Zon EcoFarm UMS, ia mempunyai keluasan 14 ekar dan diurus secara spesifik oleh universiti ini melalui Pusat Pengurusan EcoFarm.

“Ia melibatkan pengurusan semua bangunan dan kemudahan sedia ada iaitu kilang makanan ternakan, pejabat, bilik seminar, makmal penyelidikan, hostel pelajar, dan tapak penyelidikan makanan ternakan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan Amanat Tahun Baharu 2023, di sini, pada Selasa.

Menurut Dr. Kasim, dua zon selebihnya ialah Zon Industri 1 dan Zon Industri 2 yang masing-masing berkeluasan 40 dan 20 ekar.

“Kedua-dua zon ini dibuka untuk dimajukan oleh pihak industri bagi membolehkan UMS berganding bahu dengan mereka dalam usaha meningkatkan keterjaminan makanan ternakan di Sabah.

“Ini adalah selari dengan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ) yang berkaitan dalam meningkatkan produktiviti pertanian menggunakan teknologi terkini sejajar dengan Revolusi Industri (IR4.0) dan Internet untuk Segalanya (IoT),” katanya.

Untuk rekod, antara Living-Lab yang dibangunkan UMS termasuklah Forestry (Industrial Plantation Timber) Living Lab, SFER@UMS, ASTIF Creative Living Lab, BORNEENSIS Living Lab, BioTech Living Lab, Kundasang Compost Living Lab dan Rural Medicine Living Lab.

Penubuhannya antara lain bagi merealisasikan matlamat UMS untuk melahirkan masyarakat berinovasi seiring dengan slogan ‘Leading towards Innovative Societies’.